

19 JUN 2003

MAHATHIR-RINGGIT/I

TAMBATAN RINGGIT KEKAL SELESA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tambatan terhadap ringgit tidak perlu dihapuskan memandangkan masyarakat perniagaan masih selesa dengannya.

"Orang-orang yang berniaga selesa dengannya. Dengan tambatan, tiada perlindungan nilai, tiada bayaran tambahan bagi melindungi kejatuhan atau kenaikan nilai ringgit," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian semasa sidang media pada akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di sini, semasa ditanya sama ada tambatan pada RM3.80 bagi setiap satu dolar Amerika akan dihapuskan sebelum beliau bersara Oktober ini.

Beliau berkata selepas persaraan beliau, ianya terpulang kepada kepimpinan baru untuk membuat keputusan mengenainya.

Tambatan berkenaan merupakan sebahagian daripada langkah kawalan modal yang diperkenalkan oleh kerajaan pada 1998 bagi menangani kesan negatif penurunan nilai semasa krisis kewangan 1997/1998 yang memusnahkan banyak ekonomi serantau.

-- BERNAMA

SHO FR NHD